UUM/DD49/UM/19.09.2005/P: 16 (1) 46

Bekas Naib Canselor UUM dianugerah Ijazah Kehormat

UM 19/9/05 16:1

ALOR STAR 18 Sept. — Bekas Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Allahyarham Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri dan Felo Kehormat Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Muhammad Uthman El-Muhammady akan dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah pada Konvokesyen ke-18 UUM, 24 September ini.

Naib Canselor UUM, Datuk Dr. Nordin Kardi berkata, Allahyarham Ahmad Fawzi akan dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam Pengurusan dan Pembangunan manakala Muhammad Uthman pula dalam Pengurusan Kerja Sosial.

Beliau berkata, penganugerahan ini adalah pengiktirafan universiti berkenaan kepada kedua-dua tokoh memandangkan jasa yang disumbangkan oleh mereka dalam bidang berkenaan begitu banyak dan amat berharga.

Jelasnya, anugerah berkenaan akan disampaikan oleh Sultan Kedah yang juga Canselor UUM pada 24 September ini dan isteri Allahyarham Ahmad Fawzi, Datin Aishah Ibrahim akan menerima anugerah berkenaan.

Selain itu, Nordin memberitahu, seramai 6,192 orang graduan akan menerima ijazah masing-masing sempena konvokesyen universiti tersebut yang berlangsung selama empat hari bermula 24 September ini.

Beliau berkata, daripada jumlah tersebut, 15 graduan akan menerima Ijazah Doktor Falsafah, 569 penerima Ijazah Sarjana dan 5,608 graduan pula akan menerima Ijazah Sarjana Muda.

Daripada 5,608 graduan Sarjana Muda, seramai 64 orang berjaya mendapat Ijazah Kelas Pertama, 2,411 orang Ijazah Kelas Kedua Atas dan bakinya pula iaitu 3,133 orang mendapat Ijazah Kelas Kedua Bawah.

Bakti

"Daripada 64 orang penerima Ijazah Kelas Pertama, 13 orang adalah graduan yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda Sains Pemutusan," katanya pada sidang akhbar mengenai Konvokesyen UUM kali ke 18 di sini hari ini.

Nordin memberitahu, seramai 71 graduan luar negara akan menerima ijazah yang terdiri daripada Thailand (43 orang), Indonesia (16), Libya (4), Kampuchea (2) sementara Yemen, Jordan dan Korea masing-masing seorang.

Katanya, daripada jumlah tersebut, seramai empat orang akan menerima Ijazah Doktor Falsafah, 25 menerima Ijazah Sarjana manakala 41 Ijazah Sarjana Muda.

Sementara itu, Suliadi Firdaus Sufahani dan Zernil a/p Lurthanathanakan menerima Anugerah Pelajaran Diraja sempena majlis konvokesyen tersebut, manakala Anugerah Pingat Emas Canselor pula akan diterima oleh Ahmad Baharuddin.

Mengenai Ekspo Konvokesyen yang akan berlangsung selama enam hari mulai 22 September ini pula, beliau berkata ia akan diisi dengan pelbagai aktiviti bertujuan mempromosikan UUM kepada masyarakat luar.

"Majlis perasmian ekspo itu akan disempurnakan oleh Pemangku Menteri Besar, Datuk Mahdzir Khalid di Stadium Mini UUM," ujarnya.

Selain daripada perniagaan dan jualan, terdapat juga pameran, ceramah dan pemeriksaan kesihatan percuma, kempen derma darah dan aktiviti rekreasi memanah turut diadakan sempena ekspo berkenaan.

Aktiviti lain ialah pertandingan seni khat Islam dan tandatangan jawi, wayang kulit, sukan lasak, pertandingan pidato Islam antara sekolah-sekolah menengah Daerah Kubang Pasu serta persembahan artis terdiri daripada Raihan, Firdaus, Jay Jay serta Zahid AF2.

ALLAHYARHAM DR. AHMAD FAWZI